

10 SEP 1998  
Komanwel-Sukan  
SUKAN KOMANWEL MEMBUKA TIRAI

Oleh: Kuah Guan Oo

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) - Selepas lebih empat tahun bermandikan keringat dan peluh, Sukan Komanwel ke-16 - temasya sukan berprestij terbesar yang akan disaksikan di Malaysia - membuka tirainya esok bak mentari yang menyinari kemuraman ekonomi negara kini.

Banyak tugas berat dilakukan oleh pihak penganjur dan mereka yang terlibat untuk mengucapkan "Selamat Datang" kepada 10,000 orang atlit, pegawai dan wartawan dalam erti kata sebenar semangat rakyat Malaysia bagi memastikan mereka berada dalam keadaan selesa dan seronok.

Kompleks stadium Bukit Jalil yang bernilai kira-kira RM800 juta, lebuhraya-lebuhraya baru dan hiasan lampu-lampu yang menarik di sekitar bandaraya langsung tidak menggambarkan bahawa negara ini sedang bertungkus lumus mengatasi kegawatan ekonomi.

Sebaliknya, ibu negara Malaysia ini menjadi tumpuan antarabangsa dengan para pelawat daripada seluruh dunia memenuhi sekitar bandaraya sama ada untuk ke tempat latihan, bersiar-siar atau membeli belah pada sebelah siang atau pun malam.

Kali terakhir rakyat Malaysia melihat kehadiran beramai-ramai penduduk daripada kira-kira 70 negara bekas jajahan British di ibu negara ialah semasa Sidang Kemuncak Komanwel pada 1989.

Pada masa itu, Malaysia sedang melalui kepesatan ekonomi dan berdasarkan cara ibu negara diperindahkan untuk menerima kunjungan orang-orang kenamaan dan tetamu asing, ia telah diberikan gelaran "Kuala Lumpur, Bandaraya Taman Bercahaya".

Hari ini, jam besar berdekatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang menanti saat-saat menjelangnya perasmian Sukan Komanwel di sini, yang akan menyaksikan atlit lelaki dan wanita dari 70 negara Komanwel bersaing merebut kemenangan dan kebanggaan bagi negara masing-masing menerusi 16 acara sukan.

Terdapat lebih 3,700 orang atlit yang akan merebut 213 pingat emas, dengan setiap satunya akan mengisahkan bagaimana juara dari empat benua dunia dapat mencapai kemenangan di bumi Kuala Lumpur.

Ramai yang mungkin terpaksa pulang dengan tangan kosong tetapi apa yang pasti, mereka kembali ke negara masing-masing dengan gambaran jelas mengenai Malaysia dan rakyatnya.

Bagi bandaraya yang mempunyai 1.3 juta penduduk, Kuala Lumpur mempunyai segala-galanya - yang baik dan buruk - yang terdapat di mana-mana bandaraya utama, dan para pelawat asing ini akan pulang dan memberitahu rakan taulan sama ada mereka berasa selesa dan selamat di sekitar Kuala Lumpur.

Bagi mereka yang mengikuti perkembangan semasa politik Malaysia terutama selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, hanya beberapa hari sebelum tiba di Kuala Lumpur, mereka sepatutnya dapat melihat sama ada berlakunya kegawatan atau kekacauan di kalangan rakyat negara ini.

Mereka juga sepatutnya dapat menilai sendiri sama ada ketidaktentuan politik negara ini telah mencemari temasya Sukan Komanwel.

Kini terpulanglah kepada mereka untuk menghakimi Malaysia dan rakyatnya.

Bagi rakyat Malaysia yang percaya kepada semangat "Malaysia Boleh," mereka tidak sabar-sabar lagi menantikan bermulanya Sukan Komanwel.

Lebih 50,000 daripada mereka menyaksikan raptai pertama pada Ahad lepas dan hampir 100,000 orang memenuhi Stadium Nasional malam tadi untuk

menyaksikan raptai penuh sebelum tirai Sukan Komanwel dibuka.

Bahang Pesta Komanwel kini sudah dirasai dan menjadi harapan kita agar Sukan Komanwel ke-16 ini akan terus diingati sampai bila-bila masa pun.

-- BERNAMA

KGO NAK